

PENGGUNAAN LOGO HALAL PADA LABEL MAKANAN
SEJUK BEKU DALAM MEMPENGARUHI KUASA BELI
 PENGGUNA DI SEKITAR BANDAR KOTA KINABALU

NORAZMADAYU BINTI AZIZ

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKANAN DENGAN
KEPUJIAN (SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN)

SEKOLAH SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2006



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: PENGUNAAN LOGO HALAL PADA LABEL MAKANAN SEJUK BEFU DALAM MEMPENGARUHIKUASA BELI PENGGUNA DI SEKITAR BANDAR KOTA KINABALUIJAZAH: SARJANA MUDA SAINS MAKANAN (MAKANAN DAN PEMAKANAN)SESI PENGAJIAN: 2005 / 2006Saya NORA ZMADAYU AZIZ

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPS/ Sarjana/ Doktor Falsafah) ini di simpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

lutfi

(TANDATANGAN PENULIS)

dy

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: L9/1 LORONG 9 TAMANCIK ADILAH MD RAMLI

Nama Penyelia

PERDANA, 27000 JERANTUT,PAHANG DARUL MAKMURTarikh: 28/11/06

Tarikh: _____

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.

- * Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organsasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
- * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



NORAZMADAYU BT. AZIZ
HN2003-2397



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERAKUAN PEMERIKSA

DIPERAKUKAN OLEH

TANDATANGAN**1. PENYELIA**

(CIK ADILAH MD RAMLI)

**2. PEMERIKSA 1**

(PUAN RAMLAH GEORGE @ MOHD ROSLI)

**3. PEMERIKSA 2**

(ENCIK SHARIFUDIN MD. SHAARANI)

**4. DEKAN**

(PROF. MADYA DR. MOHD. ISMAIL ABDULLAH)



PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya serta berkat kesabaran dan usaha dapat juga saya menyiapkan tesis ini yang bertajuk Penggunaan Logo Halal Pada Label Makanan Sejuk Beku Dalam Mempengaruhi Kuasa Beli Pengguna Di Sekitar Bandar Kota Kinabalu. Kejayaan yang dikehendaki bukanlah hasil titik peluh saya semata-mata tetapi juga di atas bantuan pelbagai pihak yang sudi membantu.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Cik Adilah bt. Md Ramli kerana telah memberikan tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menyiapkan projek penyelidikan ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua orang tua saya iaitu En. Aziz b. Majid dan Pn. Normahida Bt. Majid kerana telah banyak memberikan semangat dan dorongan terutama sekali dari segi kewangan.

Akhir kata, terima kasih saya ucapkan kepada kawan-kawan saya iaitu Anit, Azma, Lynn dan Aja yang telah banyak membantu saya dan juga memberi semangat kepada saya untuk menyiapkan projek penyelidikan ini. Segala jasa baik anda semua amat saya hargai dan hanya Allah yang mampu membalaunya.

ABSTRAK

PENGGUNAAN LOGO HALAL PADA LABEL MAKANAN SEJUK BEKU DALAM MEMPENGARUHI KUASA BELI PENGGUNA DI SEKITAR BANDAR KOTA KINABALU

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji penggunaan logo halal pada label makanan sejuk beku dalam mempengaruhi pengguna semasa membeli makanan tersebut. Seramai 400 orang responden terlibat dalam kaji selidik ini di mana ianya telah dijalankan di beberapa kompleks membeli-belah di sekitar bandar Kota Kinabalu. Lebih daripada separuh responden iaitu seramai 294 orang (73.5%) daripada 358 orang (89.5%) responden yang beragama Islam memilih logo halal sebagai maklumat yang paling dititikberatkan semasa melihat label makanan sejuk beku. Kajian ini juga dijalankan untuk menguji pengetahuan pengguna mengenai kepelbagaian bentuk logo halal pada label makanan sejuk beku dan kesannya dalam mempengaruhi pengguna semasa membuat keputusan untuk membeli. Seramai 376 orang (94%) responden mengetahui tentang kepelbagaian bentuk logo halal pada label makanan sejuk beku berbanding hanya 24 orang (6%) responden tidak mengetahui tentang kepelbagaian logo halal tersebut. Bagi pengaruh kepelbagaian logo halal pula, seramai 312 orang (83%) daripada 376 responden yang mengetahui kepelbagaian logo halal menyatakan bahawa kepelbagaian logo halal mempengaruhi mereka membeli makanan sejuk beku manakala seramai 37 orang (9.8%) responden menyatakan bahawa kepelbagaian logo halal tidak mempengaruhi mereka membeli makanan sejuk beku. Seramai 27 orang responden merasakan bahawa mereka tidak tahu sama ada kepelbagaian logo halal pada label makanan sejuk beku dapat mempengaruhi mereka semasa membeli makanan sejuk beku ataupun tidak. Tiada hubungan signifikan (χ^2 , $p>0.05$) antara jantina responden dengan pengetahuan mengenai kepelbagaian bentuk logo halal. Bagi analisis korelasi yang dijalankan berhubung pengetahuan responden mengenai kepelbagaian bentuk logo halal dengan pengetahuan mengenai kepentingan logo halal JAKIM didapati bahawa tiada perkaitan yang kuat ($r=0.497$, $p=0.05$) di antara kedua-dua faktor tersebut.

ABSTRACT

THE INFLUENCE OF "HALAL LOGO" LABELLING ON CONSUMER'S PURCHASING BEHAVIOUR OF FROZEN FOOD IN CITY OF KOTA KINABALU

This survey was carried out to study the influence of "halal logo" labelling on consumer's purchasing behaviour of frozen food in Kota Kinabalu city. Four hundreds respondents were randomly selected for this survey which has been done in shopping malls in this city. More than half of the respondents, (73.5%) who were Muslims chose the halal logo as the most important information on the label of frozen foods. The study also investigated consumer awareness regarding the various halal logos on the label of frozen foods and the effect of those on their purchasing decision. Three hundred and seventy six respondents (94.0%) knew about the various halal logos on the frozen food label while only 24 respondents (6.0%) did not know about that. The variety of halal logos did influence the purchasing decisions of 312 (83.0%) out of 376 who were aware of the different halal logos, 37 respondents (9.8%) replied in the negative and 27 respondents stated that they did not know. There was no significant association (χ^2 , $p>0.05$) between gender and the awareness of the different varieties of halal logos. There was no strong correlation ($r=0.497$, $p=0.01$) between respondents' awareness of the different varieties of halal logo and awareness about the importance of JAKIM's halal logo.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
SENARAI SIMBOL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Objektif kajian	4
BAB 2: ULASAN KEPUSTAKAAN	5
2.1 Definisi halal	5
2.1.1 Makanan dan minuman halal	6
2.1.2 Haiwan yang halal dimakan	7
2.1.3 Haiwan yang haram dimakan	8
2.1.4 Penyembelihan haiwan	9
2.1.5 Haiwan buruan	10
2.2 Logo halal JAKIM	10
2.2.1 Cara-cara permohonan logo halal JAKIM	13
2.2.2 Syarat-syarat dalam permohonan logo halal JAKIM	14
2.2.3 Syarat-syarat penggunaan sijil pengesahan dan logo halal	15
2.2.4 Standard Malaysia untuk Makanan Halal	16
2.3 Pelabelan makanan	17
2.3.1 Peraturan berkaitan pelabelan makanan	18
2.4 Makanan Sejuk Beku	20

2.5 Kuasa Beli Pengguna	21
BAB 3 BAHAN DAN KADEAH	25
3.1 Pemilihan Responden	25
3.2 Tempat Kajian	25
3.3 Borang Soal Selidik	25
3.4 Kajian Awal	27
3.5 Kajian Sebenar	28
3.6 Penganalisaan Data	28
3.6.1 Statistik Pentaabiran	28
3.6.2.1 Ujian Khi Kuasa Dua	28
3.6.2.2 Ujian Korelasi	29
BAB 4 HASIL DAN PERBINCANGAN	30
4.1 Demografi	30
4.2 Maklumat yang paling dititikberatkan oleh pengguna pada label makanan sejuk beku	34
4.2.1 Kekerapan membeli makanan sejuk beku	34
4.2.2 Kekerapan melihat label sebelum membeli makanan sejuk beku	36
4.2.3 Kekerapan maklumat yang biasa dilihat oleh responden	37
4.2.4 Hubungan kekerapan melihat label dengan tujuan melihat label	40
4.3 Pengetahuan pengguna mengenai kepelbagaian logo halal pada label makanan sejuk beku dan kesannya dalam mempengaruhi kuasa beli pengguna	41
4.3.1 Kekerapan tahu kepelbagaian bentuk logo halal pada label makanan	42
4.3.1.1 Hubungan antara ciri-ciri responden dengan pengetahuan mengenai kepelbagaian bentuk logo halal	44
4.3.2 Kekerapan sumber pengetahuan mengenai kepelbagaian bentuk logo halal pada label makanan sejuk beku	44
4.3.3 Kekerapan pengaruh logo halal semasa	45

membeli makanan sejuk beku	
4.3.4 Kekerapan bentuk logo halal pada label makanan sejuk beku yang dipercayai kesahihannya	46
4.3.5 Kekerapan tahu logo halal negara luar sah digunakan di Malaysia	46
4.4 Pengetahuan pengguna terhadap kepentingan logo halal keluaran JAKIM	47
4.4.1 Kekerapan responden yang tahu mengenai kepentingan logo halal keluaran JAKIM pada label makanan sejuk beku	48
4.4.1.1 Hubungan antara ciri-ciri responden dengan pengetahuan mengenai kepentingan logo halal keluaran JAKIM	50
4.4.1.2 Hubungan antara pengetahuan mengenai kepelbagaian logo halal dengan pengetahuan mengenai kepentingan logo halal	50
4.4.2 Kekerapan tahap pemahaman responden mengenai kepentingan logo halal JAKIM	51
BAB 5 KESIMPULAN	55
RUJUKAN	58
LAMPIRAN	60

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
4.1	Jadual data demografi responden	33
4.2	Jadual kekerapan responden membeli makanan sejuk beku	35
4.3	Jadual kekerapan responden melihat label makanan sejuk beku sebelum membeli	37
4.4	Jadual kekerapan maklumat yang biasa dilihat oleh responden	40
4.5	Jadual kekerapan responden yang tahu kepelbagaian bentuk logo halal	43
4.6	Jadual kekerapan responden yang tahu kepelbagaian bentuk logo halal mengikut jantina, kaum, agama, taraf pendidikan dan status perkahwinan	43
4.7	Jadual kekerapan sumber pengetahuan tentang kepelbagaian logo halal	45
4.8	Jadual kekerapan bentuk logo halal yang dipercayai kesahihannya	47
4.9	Jadual kekerapan responden yang tahu mengenai kepentingan logo halal keluaran JAKIM	49
4.10	Jadual kekerapan responden yang tahu kepentingan logo halal JAKIM mengikut jantina, kaum, agama, taraf pendidikan dan status perkahwinan	49
4.11	Hubungan di antara pengetahuan responden mengenai kepelbagaian bentuk logo halal dengan pengetahuan mengenai kepentingan logo halal JAKIM	51
4.12	Jadual kekerapan tahap pemahaman responden mengenai kepentingan logo halal keluaran JAKIM	54

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Halaman
2.1a Logo Halal JAKIM	12
2.1b Logo Halal Brunei	12
2.1c Logo Halal Thailand	12
2.1d Logo Halal Filipina	12
2.1e Logo Halal Australia	13
2.1f Logo Halal Singapura	13
2.1g Logo Halal Asia Tenggara	14
4.1 Carta Bar Kekerapan Pengaruh Logo Halal Semasa Membeli Makanan Sejuk Beku	46

SENARAI LAMPIRAN

No. Lampiran		Halaman
Lampiran A	Borang soal selidik	59
Lampiran B	Hubungan X^2 antara ciri responden (jantina, agama, kaum, status perkahwinan dan taraf pendidikan) dengan tahu kepelbagaian logo halal	67
Lampiran C	Hubungan X^2 antara ciri responden (jantina, agama, kaum, status perkahwinan dan taraf pendidikan) dengan tahu kepentingan logo halal JAKIM	69
Lampiran D	Carta bar mengenai umur, pekerjaan, pendapatan, dan agama responden	71
Lampiran E	Hubungan X^2 antara kekerapan melihat label dengan tujuan melihat label	73

SENARAI SIMBOL

- ° C : darjah Celcius
- ° F : darjah Fahrenheit
- > : Lebih besar daripada
- X^2 : Khi kuasa dua



SENARAI SINGKATAN

s.w.t : Subhanahu Wa Ta'ala – Satu-satunya Tuhan yang benar

s.a.w : Sallallahu Alaihi Wa Salaam – Sejahtera ke atasnya

JAKIM : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

JAIN : Jabatan Agama Islam Negeri

MAIN : Majlis Agama Islam Negeri

MS : Standard Malaysia untuk Logo Halal (Malaysia Standard)

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Negara kita Malaysia pernah dikejutkan dengan pendedahan pihak media mengenai penjualan sosej yang sarungnya diperbuat daripada usus babi. Pada ketika itu, sensitiviti umat Islam tercabar apabila pengeluar sosej berkenaan meletakkan logo halal pada produk yang diperbuat daripada bahan yang diketahui haram dan dipandang jijik oleh umat Islam. Bertitik tolak daripada kejadian tersebut, pihak-pihak yang terlibat terutamanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah bekerja keras dalam usaha untuk memastikan kejadian sebegini tidak berulang (Berita Harian, 2005a).

Makanan halal semakin mendapat perhatian penduduk dunia tidak kira yang beragama Islam ataupun tidak kerana ia merupakan penanda aras kepada makanan yang selamat dan berkualiti (Hafiz Firdaus, 2004). Bagi umat Islam, penggunaan logo halal yang telah disahkan pada label makanan adalah penting untuk memberi keyakinan tentang kehalalan sesuatu produk makanan. Atas sebab itulah pengeluar produk makanan halal di negara ini meletakkan status halal makanan keluaran syarikat mereka sebagai keutamaan kerana ia secara langsung menjadi penentu pasaran produk tersebut.

Kemajuan pesat teknologi pemprosesan dan pengeluaran makanan pada masa kini menyebabkan makanan halal sentiasa terdedah kepada pencemaran najis secara tidak disedari. Segelintir pengusaha-pengusaha produk makanan tidak mengetahui bahawa sesuatu produk makanan yang halal boleh menjadi tidak halal jika didapati kekotoran pada makanan tersebut boleh mengancam keselamatan makanan itu dan seterusnya memudaratkan pengguna. Oleh yang demikian, adalah penting untuk menentukan sama ada sesuatu produk makanan tersebut adalah halal untuk dimakan ataupun tidak.

Penggunaan logo halal pada label bungkusan merupakan salah satu cara untuk memastikan bahawa sesuatu produk makanan tersebut selamat dimakan ataupun tidak. Setiap sumber bahan mentah bagi sesuatu produk makanan yang telah mendapat pengesahan logo halal dari badan kerajaan seperti JAKIM adalah selamat untuk dimakan. Hal ini demikian kerana, sebelum pengesahan sijil halal dan logo halal diberikan pada syarikat yang memohon logo halal untuk produk keluaran mereka, pemeriksaan yang teliti telah dilakukan terlebih dahulu merangkumi kawasan persekitaran kilang, para pekerja dan juga bahan-bahan mentah bagi produk yang berkaitan (Jabatan Kemajuan Malaysia, 2006).

Pada masa kini, kebanyakan individu amat mementingkan kesihatan tubuh badan dan amat menitik beratkan kebersihan serta keselamatan makanan yang dimakan. Dengan kuasa yang ada pada tangan mereka, para pengguna berhak menentukan makanan yang hendak dibeli supaya ianya dapat menepati kehendak dan citarasa. Logo halal yang terdapat pada label makanan merupakan salah satu maklumat yang akan

dilihat oleh pengguna semasa membuat pilihan produk makanan sehingga penggunaan logo halal ini mampu untuk mempengaruhi seseorang individu sama ada hendak membeli atau tidak produk makanan tersebut.

1.2 Objektif Kajian

1. Untuk mengkaji maklumat pada label makanan sejuk beku yang paling dititikberatkan oleh pengguna.
2. Untuk mengkaji pengetahuan pengguna mengenai kepelbagaiannya bentuk logo halal pada label makanan sejuk beku dan kesannya dalam mempengaruhi kuasa beli pengguna.
3. Untuk mengkaji pengetahuan pengguna terhadap kepentingan logo halal keluaran JAKIM pada label makanan sejuk beku.

BAB 2

ULASAN KEPUSTAKAAN

2.1 Definisi Halal

Perkataan halal berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan mengikut hukum syarak (Anon, 1995a). Menurut Noresah (2005) pula, perkataan halal membawa maksud hukum membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan (dalam Islam), diperbolehkan (tidak ditegah oleh hukum syarak), diizinkan dan dibenarkan. Hukum syarak dalam konteks penggunaan dan pemahamannya di Malaysia bermakna undang-undang Islam dalam mazhab Syafie atau undang-undang dalam salah satu mazhab lain iaitu Maliki, Hambali atau Hanafi (Anon, 1995b).

Walau bagaimanapun, sebagai agama yang mementingkan kesempurnaan dan kesucian, Islam menggariskan syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang lebih terperinci dalam setiap perkara dasar yang ada dalam ajarannya. Dalam konteks makanan dan minuman, semuanya adalah dikira halal melainkan ianya khusus dinyatakan di dalam Al-Quran ataupun Hadis sebagai haram. Allah s.w.t telah berfirman dalam surah Al – Maidah (hidangan) ayat 87 – 88 tentang makanan yang halal.

Maksudnya:-

“ Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan barang yang baik yang telah dihalalkan Allah bagi kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas. Dan makanlah olehmu apa yang telah dikurniakan kepada kamu oleh Allah, yang halal lagi baik. Dan bertakwalah kepada Allah, yang kepadanya kamu beriman” (Syed Ahmad, 1994).

2.1.1 Makanan dan minuman halal

Tubuh manusia memerlukan makanan untuk membolehkannya berfungsi kerana manusia tidak boleh hidup tanpa makanan. Ini adalah kerana, makanan memberi tenaga kepada manusia bukan sahaja untuk bekerja tetapi untuk membesar, membiak dan melaksanakan segala proses kelangsungan hayat (Mohd Hamim, Baharuddin & Suhaina, 1997). Makanan dan minuman adalah salah satu daripada keperluan asas individu selain daripada tempat tinggal, pakaian dan sebagainya. Di antara pelbagai makanan dan minuman tersebut, ada yang halal dan ada juga yang haram untuk dimakan atau diminum. Pada dasarnya, semua benda atau barang yang ada di alam ini adalah halal menurut hukum asalnya di mana ianya boleh dimakan atau diminum kecuali jika ada larangan dari segi syarak kerana membahayakan jasmani, rohani dan akal manusia. Allah s.w.t telah menjelaskan dalam Al-Quran bahawa semua makanan dan minuman yang baik atau *tayibah* (*tayyibah*) hukumnya halal (Anon, 2002b). Dengan kata lain, *tayibah* bermaksud sesuatu yang bermanfaat dan berguna untuk kelangsungan hidup manusia baik dari segi fizikal ataupun mental.

Makanan halal ialah makanan yang bebas daripada sumber najis bermula dari penyediaan bahan mentah, proses pembuatan, pembungkusan, penyimpanan, pengilangan, pengangkutan dan seterusnya kepada pengguna. Secara ringkasnya makanan halal itu mesti bersih dan selamat untuk dimakan. Menurut prinsip undang-undang Islam, semua makanan yang ada di dunia adalah halal dimakan kecuali yang diharamkan oleh Allah dan RasulNya. Berdasarkan prinsip ini, makanan halal telah wujud dengan meluasnya di bumi ini.

2.1.2 Haiwan yang halal dimakan

Kesemua haiwan yang hidup di darat khususnya haiwan yang diternak seperti ayam, itik, lembu, unta, kerbau, kambing dan kuda adalah antara haiwan yang halal dimakan selagi ianya tidak mendatangkan bahaya kepada individu yang memakannya dengan syarat haiwan – haiwan ternak ini perlulah disembelih terlebih dahulu. Bagi haiwan darat yang tidak dijelaskan oleh syarak tentang halal dan haramnya, hukumnya adalah halal dimakan selagi ianya tidak mengancam kesihatan dan tubuh badan manusia (Muhamad Umar, 1995).

Selain itu, haiwan laut atau air contohnya seperti ikan, udang, sotong dan sebagainya adalah halal dimakan tidak kira dengan cara bagaimana ianya diperolehi. Dengan kata lain, walaupun haiwan laut ini diperolehi dengan cara diburu, ditangkap atau diperolehi dalam keadaan yang telah mati, ianya tetap halal dimakan (Syed Ahmad, 1994). Haiwan laut berbeza dengan haiwan darat kerana ia tidak perlu disembelih terlebih dahulu sebelum dimakan. Haiwan laut juga adalah halal dimakan tanpa mengira individu yang menangkapnya beragama Islam ataupun tidak.

2.1.3 Haiwan yang haram dimakan

Haiwan yang dikategorikan sebagai haram untuk dimakan ialah haiwan yang beracun seperti ular dan haiwan yang boleh mengancam nyawa manusia. Di samping itu, haiwan dua alam iaitu haiwan yang hidup di darat dan di air seperti katak juga haram untuk dimakan (Syed Ahmad, 1994). Menurut Sayid Sabiq (1990), haiwan yang mati dicekik, dipukul, ditanduk atau dimakan binatang buas adalah haram dimakan kecuali jika sempat disembelih. Allah s.w.t telah berfirman dalam Surah Al Maidah ayat 3:-

"Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging haiwan) yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan yang diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu menyembelihnya, dan (diharamkan bagimu) yang disembelih untuk berhala. dan (diharamkan juga) mengundi nasib dengan anak panah (mengundi nasib dengan anak panah itu) adalah kefasikan. Pada hari ini orang-orang kafir telah putus asa untuk (mengalahkan) agamamu, sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku. Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Ku-redhai Islam itu jadi agama bagimu. Maka barangsiapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang" (Syed Sabiq, 1990).

Selain daripada haiwan yang dinyatakan di atas, terdapat juga haiwan yang haram dimakan walaupun telah menjalani proses penyembelihan iaitu haiwan yang disembelih atas nama selain daripada Allah dan juga haiwan yang disembelih untuk tujuan penyembahan. Selain itu, apa yang dimaksudkan dengan makanan bernajis pula

ialah makanan mengandungi mana-mana dari bahagian babi, haiwan halal tetapi tidak disembelih dengan betul, bangkai, binatang buas, arak, darah yang mengalir dan makanan atau tumbuh-tumbuhan yang beracun (Syed Ahmad, 1994). Oleh yang demikian, makanan yang bernajis ini menjadi tidak halal dimakan oleh umat Islam kerana akan memudaratkan kesihatan.

2.1.4 Penyembelihan haiwan

Sebelum dimakan, haiwan hendaklah disembelih dahulu untuk membolehkannya halal dimakan. Antara rukun penyembelihan haiwan adalah orang yang menyembelih haiwan tersebut mestilah orang Islam atau ahlulkitab yakni orang yang berpegang kepada kitab Allah yang diturunkan sebelum Al-Quran (Syed Ahmad, 1994). Satu lagi rukun penyembelihan ialah haiwan yang disembelih mestilah terdiri daripada haiwan yang halal di makan. Selain itu, cara penyembelihan juga turut dititikberatkan di mana haiwan yang dapat disembelih di lehernya perlu disembelih sehingga putus kedua-dua urat laluan makanan (tenggorok) dan juga urat tempat keluar nafas.

Bagi haiwan yang tidak dapat disembelih di lehernya kerana liar atau terjatuh ke dalam lubang, penyembeliannya haruslah dilakukan di mana sahaja asalkan haiwan tersebut dapat mati kerana luka tersebut (Syed Sabiq, 1990). Alatan-alatan yang tajam seperti pisau dan golok boleh digunakan untuk menyembelih haiwan tetapi alatan seperti gigi, kuku dan tulang tidak boleh digunakan kerana haiwan yang disembelih menggunakan alatan tersebut sama halnya dengan haiwan yang mati tercekik. (Anon, 1995b).

RUJUKAN

- Akta. 2004. *Akta Makanan dan Peraturan- Peraturan*. Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn Bhd.
- Anon. 1995a. *Ensiklopedia Malaysia*. Jilid 5. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Anon. 1995b. *Ensiklopedia Tematis Dunia Islam*. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Berita Harian. 2005a. "Ciri Kebal Logo Halal Dikenalpasti" (atas talian) <http://www.bharian.com.my>. Dicetak 30 Mac 2005.
- Berita Harian. 2005b. "Logo Halal Baru Diguna Julai" (atas talian) <http://www.bharian.com.my>. Dicetak 30 Mac 2005.
- Berita Harian. 2006. "PM Arah Semua Negeri Guna Logo Halal Jakim Sahaja" (atas talian) <http://www.bharian.com.my>. Dicetak 7 Mac 2006.
- Edlin, G., Golanty, E. & Brown, K. M. 1997. *Essentials for Health and Wellness*. (5th Edition). United Kingdom: Jones and Bartlett Publishers.
- Erickson, M. C. & Hung, Y. C. 1997. *Quality in Frozen Food*. USA: Chapman & Hall.
- Fellows P.J. 1990. *Food Processing Technology Principle & Practiced*. England: Ellis Horwood Limited.
- Hafiz Firdaus Abdullah. 2004. *Sembelihan Kaum Yahudi dan Nasrani: Satu Analisa Hukum dan Perbandingan Pendapat* (atas talian) <http://www.al-firdaus.com>. Dicetak 9 Mac 2004.
- Heldman D. R. & Hartel R. W. 1997. *Principles of Food Processing*. USA: Chapman & Hall
- Hui Y. H., Cornillon P., Legaretta I. G., Lim M. H., Murrell K. D. & Nip W. K. 2004. *Handbook of Frozen Foods*. New York: Marcell Dekker, INC.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2006 (atas talian) <http://www.halaljakim.gov.my/>.
Dicetak 1 Julai 2006.

Kotler, P. & Armstrong, G. 1999. *Principles of Marketing* (8th edition). London: Prentice Hall.

Malhotra, N. K. 2004. *Marketing Research An Applied Orientation*. 4th Edition. New Jersey: Pearson Prentoce Hall.

Marlett, C. P. 1993. *Frozen Food Technology*. London: Blackie Academic & Professional.

Marriott N. G. 1997. *Essentials of Food Sanitation*. United State of Amerika: Chapman & Hall

Megginson L. C., Byrd M. J. & Megginson W. L. 2003. *Small Business Management: An Entrepreneur's Guidebook*, (4th Edition) New York :McGraw Hill Companies Inc.

Mohd. Hamdan Adnan. 1994. *Konsep Asas Kepenggunaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Hamim Rajikin, Baharuddin Omar & Suhaina Sulaiman. 1997. *Pemakanan dan Kesihatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhamad Umar Chand. 1995. *Halal & Haram The Prohibited & The Permitted Foods & Drinks According to Jewish, Christian & Muslim Scripture*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.

Noresah Baharom. *Kamus Dewan* (edisi ke-4). 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Persatuan Pengguna Malaysia. 2003. " *Makanan untuk Anda* " (atas talian) <http://www.nutriteen.org.my>. Dicetak 12 Oktober 2003

Premalatha, J. 2002. *Baca sebelum beli*. Majalah Kosmik. Julai: 10-15

Robin, L. 1996. *Graphic Design Solution*. USA: Delmar Publishers.

Sanders, D. H. 1995. *Statistics: A first Course* (5th edition). Amerika Syarikat: Mc Graw Hill Inc.

Sayid Sabiq. 1990. *Fikih Sunnah*. Jilid 13. Kuala Lumpur: Victorie Agencie.

Smith, L. 1994. *Meeting Customer Needs*; Institute of Management Foundation Series, Oxford: Butterworth - Heinemann Ltd

Solomon, C. M. 1992. *Consumer Behavior*. 2nd ed. USA: Allyn and Bacon Publishers.

Syed Ahmad Syed Hussain. 1994. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid III. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Taub I. A., Singh R. P. 1998. *Food Storage Stability*. USA: CRC Press LLC

Zaharah Merican . 1986. *Peraturan Makanan 1985 dan Kesannya Pada Industri Makanan*. Dlm. *Teknologi Makanan* Jil. 5. Bil. 1. Selangor: Pencetakan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Selangor (MARDI)